

Mukhriz kecewa pemimpin beremosi

KUALA LUMPUR 9 Jun - Datuk Mukhriz Mahathir kecewa dengan sikap sesetengah pemimpin UMNO dan kerajaan yang lebih suka memberikan reaksi berdasarkan emosi, berbanding menghayati kritikan bapanya yang juga bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, walaupun kritikan tersebut dibuat secara rasional, ada pula pemimpin tertentu mempersoalkan kesetiaan bapanya itu kepada parti.

Malah katanya, ada juga beranggapan Dr. Mahathir tidak perlu mencampuri urusan kerajaan.

"Mereka lebih beremosi memberikan kritikan, tanpa memikirkan apa asas kritikan (oleh Dr. Mahathir) tersebut secara rasional," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Beliau yang juga Exco Pemuda UMNO, ditemui sejurus selepas menghadiri mesyuarat Exco pergerakan itu di Menara Datuk Onn di sini.

Mesyuarat itu dipengerusikan oleh Ketua Pemuda UMNO, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein yang turut membincangkan secara panjang lebar kritikan Dr. Mahathir terhadap kerajaan, kelmarin.

Mukhriz berpendapat, bapanya membuat kritikan tersebut setelah beberapa isu atau persoalan yang pernah dibangkitkan sebelum ini tidak mendapat jawapan.

"Sebelum ini, beliau hanya beri nasihat, kemudian teguran dan bila persoalan dibangkitkan tidak berjawab, maka timbulkan kritikan.

"Seelok-eloknya isu (yang dibangkitkan) dapat dijawab. Selagi persoalan dibangkitkan tidak terjawab, selagi itu beliau akan timbulkan," katanya.

Mukhriz bagaimanapun berpendapat, bapanya yang telah berkecimpung dalam arena politik lebih 30 tahun, dapat mengharungi segala kritikan balas diberikan oleh ramai pimpinan politik dan kerajaan.

Ditanya pendirian peribadi beliau dengan pendirian Pemuda UMNO yang menyifatkan kritikan Dr. Mahathir terhadap kerajaan sebagai keterlaluan, Mukhriz berkata, pendirian tersebut lebih menjurus kepada kritikan menyentuh peribadi.

Beliau mengandaikan kritikan peribadi itu merujuk kepada kenyataan bapanya bahawa Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi bukanlah pilihan pertama sebagai penggantinya.

Dalam konteks ini, katanya, beliau sependapat dengan Pemuda UMNO bahawa kritikan yang menyentuh peribadi adalah tidak adil.